

PERUNTUKAN NEGERI AKAN DIPOTONG

KUALA LUMPUR 11 Okt. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata Kerajaan Persekutuan mungkin terpaksa memotong peruntukan kepada kerajaan - kerajaan negeri memandangkan kewangan negara yang merosot.

Perdana Menteri menegaskan betapa pentingnya kerajaan - kerajaan negeri sedar akan masalah kemerosotan kewangan sekarang dan betapa perlunya mereka berhati-hati dalam segala perbelanjaan.

Beliau memberitahu Bernama demikian selepas makan tengah hari dengan Menteri - Menteri Besar dan Ketua Menteri serta beberapa orang menteri kabinet di sebuah hotel di sini.

Pagi ini Datuk Sri Dr. Mahathir mempengerusikan mesyuarat khas tertutup dengan para Menteri Besar dan Ketua Menteri di pejabatnya mengenai kedudukan ekonomi negara dan menggarisi tindakan - tindakan yang perlu diambil untuk menghadapi keadaan ekonomi semasa.

"Bagi menghadapi masalah ini kerajaan - kerajaan negeri perlu memotong seberapa yang boleh perbelanjaan mereka," katanya.

"Sesetengah projek yang tidak penting akan ditangguhkan oleh kerajaan - kerajaan negeri," katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata bahawa beliau telah memberi penerangan mendalam kepada para Menteri Besar dan Ketua Menteri mengenai kedudukan ekonomi negara sekarang.

"Saya harap kerajaan - kerajaan negeri tidak terkejut apabila kita potong peruntukan kepada mereka," katanya.

Ketika ditanya sama ada beliau mengeluarkan apa-apa arahan khusus kepada kerajaan - kerajaan negeri pada mesyuarat itu, Perdana Menteri berkata tidak ada arahan khusus dibuat tetapi kerajaan negeri perlu menangguhkan projek - projek yang tidak penting.

(LIHAT MUKA 11)

Peruntukan negeri akan dipotong

Di samping itu kerajaan - kerajaan negeri juga hendaklah bersedia menghadapi pemotongan peruntukan, tambah beliau.

Peringatan Datuk Sri Dr. Mahathir kepada kerajaan - kerajaan negeri itu mendapat sambutan baik daripada Menteri - Menteri Besar yang ditemui selepas jamuan itu.

Menteri Besar Perak, Dato' Sri Ramli Ngah Talib

berkata pemotongan peruntukan itu merupakan satu perkara yang tidak dapat dielakkan dalam keadaan ekonomi sekarang.

"Dengan menerima hakikat ini kita akan lebih berani dan sanggup menghadapi keadaan dengan lebih berjaya. Kita tidak boleh setiap masa hidup dalam keadaan senang," kata beliau.

Semasa ditanya bagaimana Kerajaan Negeri Perak akan menghadapi pemotongan peruntukan, beliau berkata tidak semua projek akan ditangguhkan terutamanya projek - projek yang membawa manfaat kepada rakyat seperti bekalan air dan api.

Menteri Besar Pahang Darulmakmur, Datuk Khalil Yaakob berkata kerajaan negeri memahami masalah negara sekarang dan menerima dengan baik langkah Kerajaan Pesekutuan itu.

Projek - projek besar di negeri - negeri bergantung kepada peruntukan daripada Kerajaan Pusat dan jika peruntukan ini dipotong pelaksanaannya perlu diselaraskan dengan peruntukan yang ada, kata beliau.

Katanya, ada beberapa projek besar di negeri itu yang mungkin terpaksa di-

tangguhkan tetapi beliau enggan menyatakannya.

Datuk Khalil memberi jaminan bagaimanapun projek - projek luar bandar yang memberi keuntungan langsung kepada rakyat tidak akan ditangguhkan.

Sementara Menteri Besar Perlis, Dr. Abdul Hamid Pawanteh menyifatkan pemotongan peruntukan kepada negeri - negeri dalam keadaan sekarang bukan sahaja wajar tetapi sesuatu yang mesti dilakukan.

Kerajaan negeri menerima langkah ini dengan penuh rela malahan menyokong penuh langkah itu, kata beliau.

Beliau yakin bagaimana pun pembangunan di negerinya dapat terus berjalan terutama yang memberi manfaat kepada orang ramai walaupun dengan peruntukan yang berkurangan.

— Bernama.